

10 JAN 2000

Ghani-Tanding

UMNO JOHOR SOKONG TIADA PERTANDINGAN, KATA GHANI

MUAR, 10 Jan (Bernama) -- Kesemua 20 bahagian Umno di Johor menyokong keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan untuk mempertahankan jawatan Presiden dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden parti.

"Semua bahagian Umno di Johor menyokong keputusan itu dengan tujuan supaya tidak berlaku pertandingan yang boleh menjejaskan perpaduan parti," kata Pengerusi Perhubungan Umno Negeri, Datuk Abdul Ghani Othman, kepada pemberita pada majlis rumah terbuka sempena Hari Raya di kampungnya di Sungai Mati, dekat sini, hari ini.

MT dalam mesyuaratnya pada 3 Jan lepas memutuskan supaya Dr Mahathir dikekalkan pada jawatannya manakala Abdullah dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden. MT juga meminta agar kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar, berkata Umno Johor juga tidak akan menghadkan jumlah pemimpin-pemimpinnya yang berhasrat untuk bertanding jawatan naib presiden dan anggota MT pada perhimpunan agung parti, Mei depan.

Katanya, keputusan untuk tidak menghadkan pertandingan bagi jawatan naib presiden dan anggota MT itu dicapai pada mesyuarat Umno Johor pada 4 Jan lepas.

"Itu adalah hak masing-masing dan Umno Johor tidak menyekat sama sekali, Jadi kita serahkan kepada Umno bahagian dan cawangan yang mula bermesyuarat untuk membincangkan perkara ini," katanya.

Katanya, Umno Johor bersikap terbuka dengan berpegang teguh kepada pengiktirafan dan penerimaan yang berlaku di peringkat bahagian dan perwakilan cawangan yang telah bermesyuarat.

"Soal berapa calon kita tidak sepatutnya jadi isu, kita terima pengiktifaran dan sokongan bahagian. Tiada hak batasan, berapa sekalipun (jumlah yang dicalonkan)," katanya.

Menurut Abdul Ghani, pertandingan sememangnya patut berlaku memandangkan parti mengamalkan prinsip demokrasi.

"Oleh itu, adalah merupakan hak mana-mana anggota untuk menawarkan diri dan dipertimbangkan oleh anggota Umno yang lain," katanya.

Beliau bagaimanapun menasihatkan supaya setiap anggota Umno mengamalkan disiplin agar proses pemilihan dan amalan yang tidak sihat tidak berlaku.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latif Ahmad ketika dihubungi berpendapat bahawa keputusan MT supaya tiada pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden memang baik kerana ia akan mengukuhkan lagi perpaduan di dalam Umno.

"Sebenarnya keputusan MT itu bukan sahaja menunjukkan bahawa Umno mempunyai cara tersendiri untuk menyelesaikan masalah dalamannya tetapi langkah itu akan memperkuatkan dan mengukuhkan lagi parti," katanya.

Walaupun terdapat suara-suara mengatakan bahawa keputusan MT itu tidak demokrasi, tetapi itulah cara Umno menyelesaikan isu dalamannya, kata Abdul Latif yang juga Ahli Parlimen Mersing.

--BERNAMA

RAM DC